

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96**

**Mac/April 1996**

**HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI  
DALAM TIGA (3) HALAMAN.**

Jawab EMPAT (4) soalan.

Tulis nombor 1 sehingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

1. Bincangkan faktor-faktor penting yang boleh digunakan untuk mentakrifkan bangsa dan bahasa Melayu di Malaysia.

(25 markah)

2. Huraikan salah satu teori tanah asal penutur bahasa Melayu dengan hujah yang menunjangi teori tersebut.

(25 markah)

3. Perkembangan bahasa Melayu moden daripada bahasa Melayu purba dapat disusurgalur menggunakan dua skema, iaitu skema lurus dan skema bercabang:
- [a] Buat rajah kedua-dua skema yang dimaksudkan.  
(5 markah)
  - [b] Kenalpasti persamaan dan perbezaan kedua-dua skema dengan cara menghuraikan semua butir dalam kedua-dua skema.  
(10 markah)
  - [c] Pertahankan salah satu skema dengan memberikan alasan yang munasabah.  
(10 markah)
4. Soalan 4[a] hingga 4[c] yang berikut berkaitan dengan bahasa Melayu kuno:
- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan bahasa Melayu kuno?  
(6 markah)
  - [b] Apakah bukti awal yang menunjukkan bahasa Melayu kuno pernah wujud dan digunakan?  
(4 markah)
  - [c] Huraikan ciri-ciri bahasa Melayu kuno tersebut.  
(15 markah)
5. Bincangkan fungsi bahasa Melayu klasik yang wujud sekitar tahun 1400 M (zaman Melaka) sehingga ke 1900 (zaman Munshi Abdullah).  
(25 markah)

6. Jawab soalan 6[a] sehingga 6[d] yang berikut secara ringkas dengan memberikan contoh apabila perlu:
- [a] Apakah maksud bahasa Melayu induk?  
(2 markah)
  - [b] Kesan utama perjanjian London (1824) terhadap bahasa Melayu.  
(3 markah)
  - [c] 3 peringkat perkembangan awal tulisan jawi di Malaysia.  
(10 markah)
  - [d] Strategi pelaksanaan agenda pengglobalan dan pengantarabangsaan dan hubungannya dengan perancangan bahasa di Malaysia.  
(10 markah)

--ooo000ooo--